

01/07/2000

Negara perlu pusat kajian pertanian

Mohd Nor Maidin

MERUJUK kepada berita di akhbar New Straits Times pada 23 September 1999, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyatakan bahawa wawasan negara berikutnya adalah pembangunan sektor pertanian yang akan diberi tumpuan khusus kepada pengeluaran makanan untuk dalaman dan juga eksport. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menyatakan kerajaan memberi jaminan akan mengembalikan zaman kegemilangan pembangunan pertanian.

Mengenai perkara ini Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia mengalu-alukan perakuan kerajaan terhadap pembangunan sektor pertanian. Pembangunan sektor pertanian bermakna pembangunan luar bandar yang membabitkan pekebun kecil, peladang, penternak, peneroka dan lain-lain.

Walaupun Universiti Putra Malaysia tidak lagi menekankan kepada semangat yang diketengahkan dalam sejarah penutupan Fakulti Pertanian di Universiti Malaya; dan asas-asas rasional kenaikan taraf Kolej Pertanian kepada universiti, kami masih berharap Universiti Putra Malaysia (UPM) menyiapkan infrastruktur untuk membolehkan wawasan ini tercapai dengan mudah.

Salah satu keperluan yang dikehendaki ialah Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia memberi fokus kepada pembangunan pertanian. Jika dulu pertanian dianggap sebagai 'cara kampung' maka kita seharusnya mempunyai sebuah universiti yang memberi konsep pendidikan untuk menukar konsep 'cara kampung' kepada 'cara komersil'.

Oleh itu, pada masa ini penggubal dasar pertanian tidak lagi mempunyai pakar rujuk dalam bidang pertanian di institusi pengajian tinggi, kerana Universiti Putra tidak lagi dianggap sebuah universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian.

Oleh itu kami rasa ada baiknya Universiti Putra Malaysia mengkaji semula peranan Fakulti Pertaniannya kerana segala kemudahan latihan pertanian telah sedia ada di universiti ini untuk ia menyediakan tenaga teknokrat yang diperlukan.

Pertanian adalah penting kepada ekonomi negara kerana sebahagian besar penduduk desa masih terbabit dalam kegiatan ini. Oleh itu, prasarana asas kepada pembangunan pertanian moden mesti diwujudkan.

Kejayaan wawasan ini melalui Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) adalah mustahak diambil berat kerana agensi perlaksana mampu menggerakkan wawasan ke arah tindakan berkesan melalui olahan fungsi jabatan.